

Newspaper

Berita Harian

Date

8 February 2016

Peniaga diingot patuhi Skim Kawalan Harga 13 barangan

BH- 8/2/2016

» KPDNKK diarah ambil tindakan tegas terhadap jualan melebihi kadar ditetapkan

Oleh Haika Khazi
mfaizul@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak semalam, mengingatkan semua peniaga dan peruncit di seluruh negara supaya mematuhi harga 13 barang yang disenaraikan di bawah Skim Kawalan Harga sempena Tahun Baharu Cina 2016.

Berikutan itu, Perdana Menteri berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) juga sudah diarah supaya mengambil tindakan tegas terhadap peniaga dan peruncit yang menjual barang pada harga melebihi kadar ditetapkan kerajaan.

"Saya melihat senarai bara-



Sekiranya ada peniaga yang gagal berbuat sedemikian, pengguna berhak dan harus melaporkannya kepada KPDNKK"

Najib Razak,
Perdana Menteri

ngan harga terkawal di Labuan semalam (kelmarin) sempena musim perayaan Tahun Baharu Cina. Semua peniaga di seluruh negara wajib mematuhi harga kawalan yang sudah ditetapkan.

"Sekiranya ada peniaga yang gagal berbuat sedemikian, pengguna berhak dan harus

melaporkannya kepada KPDNKK," katanya dalam entri terbaharu menerusi Facebooknya, di sini.

Sebelum ini, KPDNKK mengarah lebih 2,000 anggota penguat kuasanya untuk memantau harga 13 barang yang disenaraikan dalam Skim Kawalan Harga sempena Tahun

Baharu Cina.

Antaranya ayam hidup, ayam standard, ayam super, telur ayam gred A, B dan C selain kubis bulat import, bawang putih, ikan bawal putih dan daging babi.

Jika ada peniaga yang melakukan kesalahan, pengguna boleh salurkan aduan menerusi pelbagai cara, termasuk talian bebas tol 1800886800, menerusi aplikasi Ez-Adu atau e-mel ke e-aduan@kpdnkk.gov.my.

Saluran aduan

Aduan juga, boleh disalurkan menerusi pesanan ringkas ke talian 15888 dengan menaip KPDNKK ADUAN <butiran aduan> atau melaporkannya kepada pejabat cawangan Kementerian itu di seluruh negara.

Mereka yang melanggar arahan skim berkenaan boleh didenda sehingga RM100,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya atau kompaun sehingga RM50,000 bagi individu.

Bagi syarikat pula boleh didenda sehingga RM500,000 atau RM1 juta bagi kesalahan kedua atau kompaun sehingga RM250,000 mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.